

Terdapat pelbagai definisi warga emas. Ada pihak menganggap warga emas sebagai seseorang individu yang melebihi umur 60 tahun dan ada pula pihak lain menganggap warga emas sebagai seseorang yang berumur 65 tahun ke atas. Negara Malaysia menggunakan takrifan yang digubal di World Assembly on Ageing 1982 di Vienna, Austria yang mentakrifkan warga emas sebagai individu yang berumur 60 tahun dan ke atas. Menurut laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang kependudukan dunia, terdapat 703 juta penduduk dunia yang berumur 65 tahun ke atas. Hampir 380 juta penduduk tersebut adalah dari benua Asia Tengah, Asia Selatan, Asia Timur dan Asia Tenggara. Pada tahun 2020, jumlah penduduk berumur lebih 60 tahun melebihi jumlah kanak-kanak yang berumur kurang dari lima tahun.

Dapatan data menjangkakan bahawa jumlah penduduk dunia yang berumur 60 tahun dan ke atas akan bertambah daripada 12% kepada 22% pada tahun 2050 yang bermaksud jumlah penduduk warga emas akan berganda menjadi 1500 juta orang. Hal itu bermakna kadar peningkatan penduduk warga emas akan bertambah dengan cepat dari tahun sebelumnya. Data juga menjangkakan bahawa 70% hingga 80% dari jumlah warga emas akan berada pada tahap pendapatan sederhana dan rendah pada tahun 2050. Justeru sudah tiba masanya pihak berwajib mengambil perhatian terhadap trend peningkatan penduduk warga emas supaya tidak membebankan kerajaan dan rakyat mengalami kesan sosiopsikologi yang kurang baik dalam kalangan masyarakat setempat. Perkara ini tidak terkecuali bagi negara Malaysia kerana negara juga menghadapi trend sedemikian, walaupun

Pengurusan Warga Emas Bersediakah Malaysia?



Md Zabid Haji Abdul Rashid



ramai tidak menyedari akan perkara tersebut kerana peratus atau jumlahnya masih dianggap tidak besar berbanding dengan kelompok masyarakat muda, remaja dan kanak-kanak.

Ambang Rakyat Semakin Tua

Pada tahun 2022, jumlah penduduk Malaysia ialah 32.7 juta berbanding 32.6 juta pada tahun 2021. Jumlah penduduk berumur 65 tahun dan ke atas mencatatkan sebanyak 2.4 juta (atau 7.3% daripada jumlah penduduk negara) pada tahun 2022 berbanding dengan 2.3 juta (atau 7%) pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, jika kita lihat definisi warga emas sejagat yang menetapkan 60 tahun ke atas, jumlah penduduk warga emas di Malaysia mencapai 3.6 juta orang atau 11.1% daripada jumlah penduduk negara berbanding dengan 3.5 juta orang atau 10.7% dari jumlah penduduk negara. Peningkatan tersebut jelas menunjukkan bahawa Malaysia sudah berada di ambang negara yang rakyatnya semakin tua. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mentakrifkan sesebuah negara diklasifikasikan sebagai negara tua apabila jumlah penduduk di negara tersebut yang berumur 65 tahun ke atas melebihi 7% daripada jumlah penduduk negara tersebut.


Informasi terkini daripada Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan bahawa pada suku tahun pertama 2023, jumlah warga emas yang berumur 65 tahun ke atas sebanyak 2.5 juta orang, iaitu 7.5% dari jumlah penduduk (33.2 juta orang). Jumlah ini terdiri daripada 1.2 juta orang kaum lelaki (48%) dan 1.3 juta orang (52%) kaum wanita. Satu daripada sebab peningkatan jumlah ini adalah disebabkan oleh jangka hayat penduduk meningkat kepada purata 73.4 tahun secara keseluruhan, iaitu bagi kaum lelaki jangka hayat selama 70.8 tahun dan bagi kaum wanita jangka hayat sehingga umur 75.6 tahun. Unjuran Statista menunjukkan bahawa kadar warga emas yang berumur 65 tahun ke atas di Malaysia telah mencapai 7.9% pada tahun 2022 seperti dalam Rajah 1.

Rajah 2 menunjukkan peratusan warga emas di Malaysia terus meningkat, sama ada bagi golongan berumur 60 tahun ke atas atau golongan 65 tahun ke atas. Trend tersebut menunjukkan bahawa Malaysia sedang berada di ambang negara tua dan perlu diberikan perhatian serius. Sejauh manakah rakyat Malaysia bersedia menghadapi persekitaran warga semakin tua sekarang? Apakah polisi, dasar awam dan pelan tindakan proaktif bagi memastikan negara lebih bersedia menghadapi keadaan warga tua dalam sistem kehidupan masyarakat yang begitu mencabar dengan perubahan persekitaran yang berbentuk mudah ubah (*volatile*), tidak tentu (*uncertain*), kompleks (*complex*), dan samar (*ambiguous*) atau VUCA dalam era digital kini? Apakah strategi yang perlu dirancang bagi mengatasi masalah negara yang penduduknya semakin tua?

Isu Warga Emas

Kita perlu memahami isu warga emas dengan lebih baik kerana sudah pasti cabaran dan masalah akan wujud dalam masyarakat

Sumber: <https://www.statista.com/statistics/713529/malaysia-aging-population>



Rajah 1 Unjuran peratus penduduk warga emas di Malaysia pada tahun 2014 hingga 2022.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Rajah 2 Jumlah penduduk warga emas dari tahun 2015 hingga 2025.

kita. Satu daripada isu utama dalam masyarakat warga emas ialah kesihatan. Lazimnya, apabila seseorang itu semakin tua, maka kekuatan fizikal dan kesegaran mental akan terjejas atau terhad. Pada tahun 2017, kajian oleh Pusat Kawalan

dan Pencegahan Penyakit Amerika Syarikat mendapati bahawa 18% warga emas yang berumur 65 hingga 74 tahun merasakan tahap kesihatan mereka cemerlang, 32% berada pada tahap yang sangat baik, dan 32% merasakan baik.



Sebanyak 14% warga emas pula merasakan kesihatan mereka berada pada tahap sederhana dan 4% lagi merasakan kesihatan mereka berada pada tahap yang tidak baik.

Laporan National Council on Ageing mendapati bahawa sebahagian besar warga emas menghadapi penyakit kronik. Hampir 95% warga emas mempunyai sekurang-kurangnya satu penyakit kronik dan 80% mempunyai lebih daripada satu penyakit kronik seperti kencing manis (diabetes), artritis, dan sakit jantung. Penyakit kronik ini juga boleh mengakibatkan mereka mendapat kanser, strok, alzheimer, dementia, katarak dan lain-lain. Kajian Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2019 mendapati bahawa 8.1% daripada jumlah penduduk penduduk dewasa atau 1.7 juta orang mempunyai tiga jenis penyakit kronik, iaitu kencing manis, hipertensi, dan kolesterol tinggi dan 3.4 juta orang menghidap dua penyakit kronik. Kajian itu juga mendapati bahawa sebahagian besar, iaitu 29% individu yang berumur

75 tahun ke atas menghidap sakit badan kronik. Hal ini bermakna tahap kesihatan warga emas juga kurang baik dan akan memerlukan penjagaan yang rapi pada masa hadapan.

Isu kedua ialah perbelanjaan kos rawatan kesihatan akan meningkat. Pada tahun 2023, jumlah belanjawan kesihatan bertambah daripada RM32.4 bilion kepada RM36.1 bilion yang merekodkan pertambahan sebanyak 11.4% daripada belanjawan bagi tahun 2022. Sebanyak 87.3% dari jumlah belajawan adalah untuk menanggung kos kementerian dan perkhidmatan kesihatan awam (RM31.5 bilion). Pada tahun 2021, belanjawan kesihatan pesakit luar dianggarkan sebanyak 41% daripada jumlah belanjawan kementerian atau RM9.9 bilion. Jumlah warga emas yang memerlukan bantuan kesihatan adalah dianggarkan lebih satu juta orang.

Hal ini bermakna kos kesihatan awam akan menjadi suatu beban kepada kerajaan

dan boleh menjejaskan kualiti perkhidmatan kesihatan awam sekiranya gagal membiayai peningkatan kos rawatan pesakit. Laporan 2022 Aon Global Medical Trend Rates mengunjurkan bahawa kos rawatan di Malaysia akan meningkat pada kadar 10% hingga 15% setiap tahun. Justeru, sudah tiba masanya pihak kerajaan mencari cara untuk mengatasi kenaikan kos rawatan pesakit pada masa hadapan, terutamanya bagi warga emas yang sangat memerlukan.

Oleh sebab kekangan fizikal warga emas, kelompok ini memerlukan bantuan untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain. Pihak kerajaan perlu menyediakan kemudahan awam yang mesra warga emas agar mereka dapat menjalankan urusan dengan mudah. Selain itu, warga emas juga memerlukan pembimbing bagi memudahkan mereka menjalankan urusan harian. Beberapa negara maju telah menyediakan perkhidmatan sukarelawan untuk membantu

warga emas membeli makanan dan keperluan dapur atau rumah pada setiap minggu. Terdapat juga sukarelawan yang membantu warga emas berjalan-jalan atau bersiar-siar di luar atau menemani warga emas di rumahnya sambil membaca buku cerita atau berita semasa.

Isu selanjutnya yang boleh menjadi beban utama kepada warga emas ialah punca kewangan selepas bersara. Sekiranya warga emas tersebut seorang pegawai perkhidmatan awam, perkara ini kurang menjadi isu, tetapi isu kewangan akan menjadi isu besar kepada sebahagian besar masyarakat yang bekerja di sektor swasta atau bekerja sendiri, seperti peniaga mikro, penoreh getah, petani, dan nelayan. Kewangan warga emas akan menjadi suatu beban bukan sahaja kepada pesara warga emas tetapi juga kepada keluarganya. Lebih malang lagi apabila keluarga seperti anak-anak atau saudara-mara tidak dapat memberi bantuan. Oleh sebab jangka hayat penduduk Malaysia sudah meningkat, jumlah kewangan yang diperlukan untuk menyara kehidupan dan kesihatan juga mungkin suatu jumlah yang tidak terlintas di fikiran mana-mana individu pada masa bekerja 20 hingga 30 tahun dahulu. Kekangan kewangan merupakan satu daripada faktor utama yang menghalang kelestarian kehidupan warga emas di Malaysia kerana tabungan atau skim keselamatan pekerja masih berada pada tahap yang rendah dan tidak disedari oleh masyarakat umum.

Bagi mereka yang menabung atau menyertai skim wang simpanan pekerja dan tidak dipantau dengan baik akan mendapati bahawa jumlah simpanan tidak mencukupi untuk menampung keperluan persaraan dalam tempoh yang lama. Terdapat juga warga emas yang tidak mengurus dan merancang persaraan akan mendapati bahawa mereka tiada


lagi punca kewangan untuk menyara diri dan keluarga dan terpaksa memohon bantuan daripada pihak lain. Tidakkah hal ini amat mengecewakan kumpulan warga emas yang mengharapkan sinaran selepas bekerja dengan begitu gigih dan lama dalam hidup mereka?

Akhir sekali, faktor yang menjadikan warga emas suatu masalah kepada masyarakat dan negara adalah disebabkan faktor sosiobudaya, iaitu pengabaian terhadap warga tua di Malaysia. Kajian Hasiah Mat Salleh, Raihanah Abdullah dan Mohd Nurhusairi Mat Hussin mendapati bahawa 60% faktor pengabaian warga tua berpunca daripada anak-anak atau penjaga berbanding dengan 40% disebabkan oleh warga tua itu sendiri. Pengabaian dari keluarga adalah disebabkan

sikap anak-anak, urbanisasi, jurang komunikasi, keupayaan kewangan, kesedaran dan pendidikan agama, serta kebergantungan terhadap bantuan institusi, kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Kajian Tengku Aizan Hamid dan Chan Sen Tying (2013) menunjukkan faktor yang mempengaruhi isu warga emas yang perlu dihadapi dengan penuh cabaran adalah seperti dalam Rajah 3. Antara isu asas yang dihadapi warga emas masa ini termasuklah pendapatan, kehidupan aktif, keselamatan, pengangkutan, sokongan sosiopsikologi, perumahan, perkhidmatan perubatan dan kesihatan. Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sehingga Disember 2022 terdapat 140 447 penerima

Sumber: Tengku Aizan Hamid and Chai Sen Tying, 2013, Meeting the needs of Older Malaysians: Expansion, Diversification & Multi-Sector Collaborations, Malaysian Journal of economic Studies, Vol 50 (2), hlm.157-174.



Rajah 3 Faktor yang mempengaruhi isu warga emas.

Bantuan Warga Emas di seluruh negara. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengagihkan sebanyak RM831.4 juta bagi membantu golongan ini. Perkara tersebut perlu diberi perhatian khusus supaya tidak menjadi beban nasional pada kemudian hari kelak. Oleh hal yang demikian, suatu strategi perlu dibentuk untuk menangani isu-isu sosial dan ekonomi warga emas negara.

Pengurusan Strategi Ekonomi Warga Emas


Isu warga emas telah mendapat perhatian pihak kerajaan melalui pelancaran Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) pada 5 Januari 2011. Dasar dan pelan tindakan itu merupakan komitmen kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri, dan dihormati dengan mengoptimalkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan dapat meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara. Matlamat DWEN adalah untuk mengupayakan individu, keluarga dan masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan mesra warga emas yang cekap dan berkesan serta persekitaran yang dapat memberikan kesejahteraan hidup mereka di negara ini. Dasar itu berasaskan prinsip yang diadaptasi daripada prinsip Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Madrid International Plan of Action for Ageing (MIPAA) pada bulan April 2002.

Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan untuk memperkasakan kedudukan sosioekonomi warga emas, masih terdapat beberapa perkara yang tidak dapat dikurangkan kerana pelbagai kekangan seperti sumber kewangan, pakar ilmu gerontologi, tenaga manusia terlatih, bilangan staf dalam KPWKM, kesedaran masyarakat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengagihkan sebanyak RM831.4 juta bagi membantu golongan ini.

terhadap isu warga emas, dan pelan strategi bersepadu yang berkesan. Dari segi pendekatan pengurusan strategik, isu sosioekonomi warga emas boleh diatasi dengan melihat kepada tiga perkara asas yang menjadi tonggak pengenalan strategi khusus pembangunan kesejahteraan warga emas, iaitu keselamatan sosial, kehidupan aktif dalam masyarakat dan sokongan masyarakat kepada golongan warga emas.

Rajah 4 menunjukkan kerangka pengurusan strategi sosioekonomi warga emas. Aspek keselamatan sosial memerlukan penelitian terhadap tiga perkara, iaitu yang pertama ialah pendapatan, tabungan dan pelaburan persaraan; kedua dari segi perlindungan kesihatan dan akses kemudahan kesihatan; dan



Rajah 4 Kerangka pengurusan strategi sosioekonomi warga emas.



KWSP



ketiga dari segi perumahan dan penginapan yang selesa.

Aspek sokongan masyarakat pula memerlukan penelitian terhadap tiga perkara iaitu keselamatan penduduk, sokongan keluarga dan sosiopsikologi masyarakat, serta akses kemudahan pengangkutan awam. Aspek kehidupan aktif pula memerlukan penelitian dua perkara, iaitu sokongan kehidupan aktif selepas persaraan dan sokongan bagi golongan yang tidak berupaya menjalani kehidupan aktif.

Ketiga-tiga aspek tersebut hanya dapat berfungsi dengan cekap, berkesan dan mencapai matlamat serta sasaran warga emas sekiranya agensi yang khusus seperti Perbadanan Pengurusan Warga Emas Negara dapat menguruskan pelbagai aspek warga emas negara dengan segera. Beberapa strategi khusus telah dikenal pasti untuk menangani isu sosioekonomi warga emas dan dimanfaatkan oleh pihak yang berkepentingan berdasarkan ketiga-tiga kerangka tersebut.

Satu daripada tindakan strategi proaktif adalah untuk menghapuskan kemiskinan tegar dalam kalangan warga

emas dengan mewajibkan setiap pekerja pada masa ini mencarum skim keselamatan pekerja yang dapat memberi manfaat kepada pekerja persendirian bagi mendapat wang persaraan apabila sudah tidak bekerja selepas berumur 60 tahun atau 65 tahun ke atas. Sumbangan pekerja pada waktu ini boleh menjadi wang persaraan pada masa hadapan kelak dan tidak memerlukan bantuan kerajaan atau agensi lain bagi menanggung kesejahteraan hidup di usia tua.

Untuk menggalakkan kehidupan aktif, warga emas harus boleh kembali bekerja yang sesuai dengan pengalaman, kemahiran dan ilmu yang diperoleh terdahulu. Kerajaan harus memberi insentif kepada majikan yang mengambil warga emas bekerja dengan memberi pelepasan cukai berganda (satu atau dua kali ganda) bagi menggalakkan majikan mengambil warga emas bekerja. Dasar ini juga akan mengurangkan kebergantungan warga emas terhadap bantuan masyarakat atau kerajaan dan menjadikan warga emas lebih cergas, berharga diri dan dihormati dalam masyarakat.

Langkah tersebut merupakan langkah proaktif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap warga asing bagi pekerjaan yang tidak berat. Warga emas juga boleh dilatih untuk mendapat kemahiran pekerjaan khususnya bagi pekerjaan yang boleh dilakukan dari rumah. Hal ini dapat mengatasi masalah pendapatan dalam kalangan warga emas yang boleh menjalankan kehidupan aktif.

Capaian akses perkhidmatan kesihatan juga merupakan perkara yang berkaitan rapat dengan keselamatan sosial yang sering dihadapi oleh warga emas. Oleh sebab jumlah pendapatan atau persaraan adalah sedikit, akses untuk mendapat perkhidmatan kesihatan juga terhad, khususnya dalam aspek ubat-ubatan yang mahal dan perlu diambil sepanjang hayat bagi mereka yang mempunyai penyakit kronik seperti kencing manis, hipertensi dan kolesterol tinggi. Jumlah pakar geriatrik juga sangat kurang di negara ini, iaitu 40 orang di dalam negara dan 21 orang berada di Kuala Lumpur. Nisbah pakar geriatrik di Malaysia adalah sangat kritikal,



iaitu 0.19 berbanding dengan United Kingdom 0.85 dan Kanada 0.50.

Menurut Malaysian Society of Geriatric Medicine, jumlah ini sangat rendah dan terdapat ketiadaan pakar di negeri Terengganu dan Perlis pada tahun 2019. Geriatrik merupakan doktor pakar bagi pesakit berumur 65 tahun ke atas yang menangani pesakit yang mengalami masalah dementia, kemurungan, mengigau, inkontinen (seperti hilang kawalan untuk membuang air kecil), keretakan tulang dan vertigo. Pakar seperti ini diperlukan untuk memberikan rawatan yang wajar bagi pesakit warga emas. Strategi yang proaktif sangat penting sebagai persediaan bagi semua pihak berkepentingan untuk mengambil inisiatif dan peranan wajar yang berkesan dan tepat dengan falsafah masyarakat madani.

Selanjutnya, strategi tersebut akan membolehkan pihak penggubal dasar merancang dalam pelan pembangunan aspek pendigitalan dan peningkatan kualiti warga tua. Adakah kita perlu menggalakkan automasi, pendigitalan dengan penggunaan kecerdasan buatan yang lebih meluas lagi? Perkar

Kewujudan sebuah badan khas amat diperlukan untuk membuat penyelarasan berkaitan aktiviti dan perkhidmatan warga emas yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi dan jabatan agar dapat diberikan perhatian khusus.

ini mempunyai implikasi dalam pelan pembangunan negara khususnya dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

Kewujudan sebuah badan khas amat diperlukan untuk membuat penyelarasan berkaitan aktiviti dan perkhidmatan warga emas yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi dan jabatan agar dapat diberikan perhatian khusus. Badan tersebut juga dapat berfungsi untuk menyelaraskan semua perancangan dan

pengurusan aktiviti serta pengalihan dana dan pemantauan kegiatan yang berkesan antara rangkaian KPWKM dengan badan sukarela. JKM juga perlu memainkan peranan yang lebih aktif sebagai badan pengawal selia dan pemantauan pembangunan dan kemajuan warga emas negara.

Pihak Bank Dunia mempercayai bahawa penuaan ibarat satu bom kependudukan dunia yang perlu diberi perhatian seperti pandemik COVID-19 yang memerlukan kerajaan di seluruh dunia mengambil tindakan segera dalam mengurus ledakan populasi tua yang tidak boleh dielakkan serta memberi kesan kepada pembangunan sosioekonomi negara. Kegagalan membuat persediaan awal akan memberi kesan yang sangat rumit kepada negara yang akan melalui fasa pengurusan masyarakat tua yang memerlukan sokongan daripada semua pihak, sama ada kerajaan, keluarga atau pun pihak lain yang berkepentingan. ^{EKO}

Datuk Seri Dr. Md Zabid Haji Abdul Rashid adalah Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pendidikan Tun Abdul Razak (PINTAR).